



**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN AKHIR  
(ATAS TALIAN)  
SEMESTER II  
SESI 2019/2020**

NAMA KURSUS : PENGURUSAN PENDIDIKAN  
KOD KURSUS : BBD 30102  
KOD PROGRAM : BBC/BBE/BBG  
TARIKH PEPERIKSAAN : JULAI 2020  
JANGKA MASA : 1 JAM  
ARAHAN : JAWAB SEMUA SOALAN

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **SEBELAS (11)** MUKA SURAT

**BAHAGIAN A**

- S1** Operasi institusi pendidikan swasta dibiayai sepenuhnya oleh sektor swasta. Walau bagaimanapun, proses penubuhan dan pendaftaran, pengurusan dan operasi masih tertakluk di bawah
- A. Ordinan Pelajaran
  - B. Akta Pelajaran 1961
  - C. Jawatankuasa Kabinet
  - D. Akta Pendidikan 1996
- S2** Antara berikut, pernyataan manakah menerangkan dengan tepat tentang tujuan perancangan kontigensi?
- A. Persediaan untuk mencegah kegagalan sesuatu perancangan
  - B. Membuat penambahbaikan dalam sesuatu perancangan kerja
  - C. Membuat penyelarasan untuk meningkatkan keberkesanan kerja
  - D. Menukar perancangan kepada tindakan yang lebih teratur dan tersusun
- S3** Prinsip utama sistem pendidikan di Malaysia ialah
- A. meneguhkan pengetahuan mengenai sains dan teknologi untuk kemajuan negara
  - B. pelaksanaan sistem pendidikan merangkumi kehidupan masyarakat Malaysia
  - C. mengamalkan pengurusan pendidikan yang efisien supaya setaraf dengan peringkat antarabangsa
  - D. memperkasa dan merealisasikan Hasrat kerajaan untuk mencapai pembelajaran sepanjang hayat
- S4** Cabaran pengurusan dan kepimpinan masa hadapan mempunyai 5 cabaran. Antaranya adalah seperti teknologi, kepelbagaian maklumat, globalisasi dunia, nilai masyarakat dan
- A. generalisasi
  - B. pespektif dunia
  - C. sekitaran global
  - D. budaya organisasi
- S5** Tokoh ini merupakan pengasas prinsip dan teori pengurusan. Beliau menyatakan bahawa pendekatan pengurusan pada tenaga kerja untuk mewujudkan aktiviti perancangan, penyelarasan dan pengawasan pengeluaran kerana pada dasarnya setiap pekerjaan memerlukan perancangan kerja dan masa. Siapakah tokoh ini?
- A. Henry Gantt
  - B. Henry Fayol
  - C. Frederick Taylor
  - D. Lilian Gilbreths

**TERBUKA**

- S6** Sekolah antarabangsa merupakan salah satu daripada sekolah yang telah ditubuhkan oleh Institusi Pendidikan Swasta (IPS). Apakah program yang ditawarkan oleh sekolah tersebut?
- A. Program pendidikan rendah dan menengah dengan menggunakan kurikulum Malaysia serta menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar
  - B. Program pendidikan tadika, rendah dan menengah dengan menggunakan kurikulum negara luar serta menggunakan bahasa asing sebagai bahasa pengantar
  - C. Program pendidikan peringkat tadika, rendah dan menengah dengan menggunakan kurikulum negara luar serta menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar
  - D. Program peringkat tadika, rendah dan menengah dengan menggunakan kurikulum yang telah dihasilkan sendiri oleh pihak sekolah serta menggunakan bahasa asing sebagai bahasa pengantar
- S7** "Mengusulkan satu sistem pendidikan dan pendidikan percuma pada peringkat rendah". Antara berikut, manakah yang berkaitan dengan usul tersebut?
- A. Laporan Barnes
  - B. Ordinan Pelajaran
  - C. Laporan Fern-Wu
  - D. Penyata Cheeseman
- S8** Sistem pendidikan awam dan swasta mempunyai persamaan dan perbezaan. Antara berikut, manakah menunjukkan perbezaan yang paling ketara antara pendidikan awam dan swasta?
- A. Kualiti graduan
  - B. Yuran pengajian
  - C. Strategi pengajaran
  - D. Peluang pendidikan
- S9** Konsep organisasi dalam bidang pendidikan penting untuk melahirkan pelajar seperti berikut kecuali
- A. berilmu
  - B. beretika
  - C. berdisiplin
  - D. bersahsiah
- S10** Institut Aminuddin Baki (IAB) berfungsi dalam pengurusan dan pentadbiran sekolah untuk menyediakan seseorang guru kepada seorang pentadbir atau pemimpin sekolah. Kenyataan ini menunjukkan fungsi IAB sebagai
- A. latihan
  - B. penerbitan
  - C. pentaksiran
  - D. penyelidikan

- S11** “Wawasan Pendidikan menegaskan tentang keperluan pengutamaan nilai-nilai kemanusiaan iaitu bagaimana pengetua atau guru besar melayan, menghargai diri, perkhidmatan dan sumbangan guru”.  
Pernyataan di atas merujuk kepada
- A. perpaduan
  - B. pengupayaan
  - C. sekolah penyayang
  - D. perkhidmatan penyayang
- S12** Terdapat dua jenis kurikulum di sekolah iaitu kurikulum tersurat dan kurikulum tersirat. Antara berikut, manakah terkandung dalam kurikulum tersirat?
- A. Mata pelajaran
  - B. Budaya sosial sekolah
  - C. Kaedah-kaedah pengajaran
  - D. Peruntukan masa pembelajaran
- S13** “Laporan ini telah termaktub dalam Akta Pelajaran 1961. Laporan ini mengesyorkan supaya bahasa Melayu dijadikan sebagai bahasa kebangsaan.”  
Manakah antara berikut boleh dikaitkan dengan pernyataan tersebut?
- A. Penyata Razak
  - B. Penyata Barnes
  - C. Penyata Cheeseman
  - D. Penyata Rahman Talib
- S14** Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) dilaksanakan untuk mentransformasikan pendidikan supaya dapat menghadapi cabaran baharu. Antaranya ialah mewujudkan 6 aspirasi pelajar dengan memberi penekanan keseimbangan antara ilmu dan akhlak. Berikut ialah antara aspirasi pelajar tersebut kecuali
- A. perpaduan
  - B. identiti nasional
  - C. etika dan kerohanian
  - D. kemahiran memimpin
- S15** Sekolah vernakular Tamil di Tanah Melayu pada zaman pemerintahan British kebanyakannya dibina oleh
- A. masyarakat India dari negara India
  - B. masyarakat India di Tanah Melayu
  - C. majikan pekerja-pekerja masyarakat India
  - D. mubaligh Kristian yang datang ke Tanah Melayu

**TERBUKA**

- S16** Fungsi pengurusan ada 7 iaitu merancang, mengelola, mengarah, mengkoordinasi, melapor, menggunakan staf dan
- mengubah
  - mengawal
  - menyusun
  - menyelaras
- S17** Antara berikut, manakah bukan pergaulan dengan ahli organisasi yang baik?
- Mempamerkan penampilan diri yang baik dan menarik
  - Memberi kepercayaan kepada semua lapisan ahli organisasi
  - Memberi kebebasan ahli organisasi untuk mendapatkan kuasa
  - Mempunyai keyakinan diri apabila dilantik memegang jawatan
- S18** Pengurusan dan kepimpinan masa hadapan mempunyai 5 cabaran iaitu nilai masyarakat, kepelbagaian maklumat, globalisasi dunia, budaya organisasi dan
- teknologi
  - generalisasi
  - pespektif dunia
  - sekitaran global
- S19** Berikut ialah perubahan Sistem Pendidikan Kebangsaan berdasarkan syor-syor Laporan Kabinet 1979 kecuali
- kegiatan kokurikulum diutamakan untuk melahirkan pelajar cergas dan sihat
  - KSSR mula dilaksanakan untuk memenuhi keperluan semasa pendidikan negara
  - kurikulum sekolah iaitu KBSR dan KBSM digubal dan dilaksanakan dalam tahun 1980-an
  - subjek Kemahiran Hidup wajib dipelajari pada peringkat sekolah menengah rendah
- S20** Antara berikut, manakah merupakan tujuan Laporan Cheeseman?
- Menyelidik dan membaiki pendidikan orang Melayu
  - Membantah percubaan menghapuskan bahasa dan budaya Cina
  - Dasar pecah dan perintah untuk membentuk sistem pendidikan ini
  - Membuat laporan tentang kurikulum sekolah Inggeris dan vernakular
- S21** Antara prinsip asas pengurusan ialah kesamarataan. Antara berikut, manakah menunjukkan contoh kesamarataan dalam pengurusan pendidikan dengan tepat?
- jumlah jam bekerja semua guru adalah sama
  - jumlah hari cuti rehat semua guru adalah sama
  - beban tugas mengajar semua guru adalah sama
  - beban tugas mengurus semua guru adalah sama

**TERBUKA**

- S22** Antara yang berikut, manakah merupakan peranan Institut Aminuddin Baki?
- A. Membina dan membangunkan sistem pentadbiran pendidikan dan disiplin para pendidik supaya berjaya menjadi sistem yang maju pada masa akan datang
  - B. Membina dan membangunkan modal insan yang utuh dari segi emosi, akhlak dan moraliti dalam mengharungi ranjau serta liku dalam pembelajaran
  - C. Membina dan membangunkan profesionalisme kepimpinan dan pengurusan pendidikan untuk membantu membangunkan sistem pendidikan kebangsaan
  - D. Membina dan membangunkan sistem pentadbiran pendidikan supaya tersusun dengan sistematik untuk melicinkan pentadbiran sekolah dan mencapai matlamat kementerian.
- S23** Berikut merupakan usul Laporan Barnes kecuali
- A. Bahasa Inggeris sebagai mata pelajaran wajib
  - B. mencadangkan sekolah menggunakan dwibahasa
  - C. pengajaran agama menggantikan pengajaran Jawi
  - D. sekolah vernakular ditukar kepada sekolah kebangsaan
- S24** Merancang penggunaan sumber syarikat, bahan-bahan dan peralatan, wang dan kakitangan untuk mencapai pelbagai objektif dalam sesebuah pertubuhan merujuk kepada “organisasi” digunakan dalam beberapa cara iaitu sebagai suatu
- A. proses
  - B. kumpulan
  - C. rangka kerja
  - D. rangka perhubungan
- S25** “Mengelolakan Skim Pinjaman Buku Teks, menyelaras aktiviti ibu bapa dan guru, memantau disiplin murid, memastikan kebajikan setiap murid terpelihara dan berperanan memantau tahap kesihatan murid di sekolah.” Manakah antara berikut boleh dikaitkan dengan pernyataan di atas?
- A. Guru Penolong Kanan Petang
  - B. Guru Penolong Kanan Kurikulum
  - C. Guru Penolong Kanan Kokurikulum
  - D. Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid

**TERBUKA**

- S26** “Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia merupakan kesinambungan dari segi matlamat, aspirasi dan penyampaian pendidikan dari peringkat prasekolah hingga ke peringkat pendidikan tinggi dan seterusnya”.
- Antara berikut, manakah bukan merupakan aspirasi sistem pendidikan Malaysia seperti termaktub dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia?
- I Perpaduan
  - II Kecekapan
  - III Dwibahasa
  - IV Pengetahuan
- A. I sahaja
  - B. I dan II sahaja
  - C. II dan III sahaja
  - D. III dan IV sahaja
- S27** Penyata Fenn-Wu dihasilkan bertujuan untuk membangkang cadangan dalam Penyata Barnes seperti berikut:
- I Bahasa Melayu sebagai mata pelajaran wajib di semua sekolah rendah dan menengah
  - II Hanya satu corak sekolah rendah sahaja iaitu sekolah kebangsaan untuk semua kaum
  - III Sekolah hanya menggunakan dua bahasa pengantar iaitu bahasa Melayu atau bahasa Inggeris
  - IV Sekolah vernakular Cina dan Tamil peringkat menengah menggunakan pengantar Bahasa Inggeris sahaja.
- A. I dan II sahaja
  - B. III dan IV sahaja
  - C. II, III dan IV sahaja
  - D. I, II, III dan IV
- S28** Berikut merupakan cara pendidikan awam di Malaysia diuruskan dari aspek kurikulum.
- I Latihan
  - II Penilaian
  - III Perancangan
  - IV Pembelajaran
- A. I dan II sahaja
  - B. II dan III sahaja
  - C. I, II dan III sahaja
  - D. I, II, III dan IV

**TERBUKA**

- S29** Antara berikut, manakah pihak yang memainkan peranan penting dalam sistem pentadbiran pendidikan awam terhadap pengajaran dan pembelajaran di sekolah.
- I Ibu bapa
  - II Komuniti setempat
  - III Pejabat pendidikan daerah
  - IV Kementerian Pendidikan Malaysia
- A. I dan II sahaja  
B. I dan III sahaja  
C. II dan III sahaja  
D. III dan IV sahaja
- S30** “Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) merupakan kesinambungan dari segi matlamat, aspirasi dan penyampaian pendidikan dari peringkat prasekolah hingga ke peringkat pendidikan tinggi dan seterusnya”.
- Antara berikut, manakah bukan merupakan aspirasi sistem pendidikan Malaysia seperti termaktub dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia?
- I Perpaduan
  - II Kecekapan
  - III Dwibahasa
  - IV Pengetahuan
- A. I sahaja  
B. I dan II sahaja  
C. II dan III sahaja  
D. III dan IV sahaja
- S31** Cikgu Kalu telah mengingkar arahan ketua jabatannya dan akan berhadapan dengan tindakan tatatertib mengikut turutan. Manakah merupakan turutan yang betul?
- I Amaran
  - II Buang kerja
  - III Menurun gaji
  - IV Menurun pangkat
- A. I, II, III dan IV  
B. III, I, IV dan II  
C. I, III, IV dan II  
D. I, IV, III dan II



- S32** Konsep pelaksanaan sekolah penyayang memberi tanggapan bahawa semua pelajar
- I. cerdas
  - II. pandai
  - III. boleh dididik
  - IV. boleh cemerlang
- A. I, II dan III sahaja  
B. I, II dan IV sahaja  
C. I, III dan IV sahaja  
D. I, II, III dan IV
- S33** Antara berikut, manakah merupakan ciri-ciri yang telah ditetapkan secara konsisten dalam sesebuah organisasi pendidikan?
- I. Fleksibiliti
  - II. Pemikiran kritikal
  - III. Pembelajaran sepanjang hayat
  - IV. Perkongsian ilmu pengetahuan
- A. I dan II sahaja  
B. II dan III sahaja  
C. I, II dan III sahaja  
D. I, II dan IV sahaja
- S34** Manakah antara berikut merupakan institusi pendidikan swasta?
- I. Tadika *Little Caliph*
  - II. *Malacca Expatriate School*
  - III. Sekolah Rendah Agama Johor
  - IV. Sekolah Rendah Islam Hidayah
- A. I dan II sahaja  
B. I dan IV sahaja  
C. II, III dan IV sahaja  
D. I, II, III dan IV
- S35** Pengurusan pendidikan amat penting dipelajari oleh warga pendidikan untuk memastikan pengurusan di sesebuah organisasi pendidikan itu beroperasi dengan baik. Antara berikut, manakah merupakan skop pengurusan pendidikan?
- I. Pengurusan jati diri
  - II. Pengurusan kewangan
  - III. Pengurusan kurikulum
  - IV. Pengurusan aset alih dan tidak alih
- A. I, II dan III sahaja  
B. I, II dan IV sahaja  
C. II, III dan IV sahaja  
D. I, II, III dan IV

TERBUKA

- S36** Budaya cemerlang menegaskan 2 nilai iaitu nilai utama dan nilai sokongan. Nilai-nilai yang terkandung dalam nilai utama ialah
- I integriti
  - II intelektualisme
  - III prestasi yang bermutu
  - IV berorientasikan pencapaian
- A. I dan II sahaja  
B. I dan III sahaja  
C. II dan III sahaja  
D. III dan IV sahaja
- S37** Berikut merupakan strategi yang dapat merealisasikan konsep budaya kerja cemerlang dalam proses pengurusan sekolah iaitu
- I bengkel-bengkel dan latihan diberikan di peringkat pertengahan dan bawahan
  - II ganjaran atau anugerah perlu disediakan bagi mendorong kakitangan untuk lebih cemerlang
  - III kakitangan yang kurang cekap dilengkapi dengan kesedaran, komitmen dan motivasi terhadap tugas
  - IV setiap kakitangan perlu dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran dalam melaksanakan tugas dengan cemerlang
- A. I dan II sahaja  
B. I dan III sahaja  
C. II dan IV sahaja  
D. III dan IV sahaja
- S38** Antara berikut, manakah merupakan objektif perpaduan dalam Wawasan Pendidikan.
- I Cinta akan negara
  - II Memahami setiap budaya
  - III Menghasilkan graduan cemerlang
  - IV Melahirkan generasi pelbagai budaya
- A. I, II dan III sahaja  
B. I, II dan IV sahaja  
C. II, III dan IV sahaja  
D. I, II, III dan IV

**TERBUKA**

- S39** Reformasi pendidikan di Malaysia dapat direalisasikan jika guru memainkan peranan sebagai agen perubahan. Hal ini bermakna guru masa kini harus menukar dari kebiasaan dan rutin yang diamalkan dahulu dengan
- I menggunakan strategi berpusatkan murid
  - II melaksanakan program pendidikan bersepadu
  - III mengandaikan murid bersifat homogen dan heterogenus
  - IV mengurus dan membimbing secara demokratik dan kasih sayang
- A. I dan II sahaja
  - B. III dan IV sahaja
  - C. I, II dan IV sahaja
  - D. I, II, III dan IV
- S40** Antara berikut, manakah merupakan tanggungjawab dan peranan pemimpin pendidikan dalam kluster kepimpinan mengikut acuan Malaysia?
- I. Peneraju
  - II. Pengawal
  - III. Pendorong
  - IV. Pembimbing
- A. I, II dan III sahaja
  - B. I, III dan IV sahaja
  - C. II, III dan IV sahaja
  - D. I, II, III dan IV

**-SOALAN TAMAT-**

**TERBUKA**

**SULIT**